

Lampiran Penerangan Produk - Pelan Perlindungan Diri Crystal Essentials

Sila baca Lampiran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Pelan Perlindungan Diri Crystal Essentials. Pastikan anda juga baca terma-terma dan syarat-syarat amnya.



1. Apakah tentang produk ini?

Polisi ini memberi ganti rugi apabila terjadinya kecederaan, kecacatan atau kematian yang diakibatkan semata-mata dan secara langsung oleh cara luar yang dashyat, dan boleh dilihat dan secara kemalangan. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk butir-butir terperinci.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberi?

Polisi ini melindungi:

Pelan	A	B	C	D	E	F	G*	H*
Manfaat	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kematian Akibat Kemalangan	50,000	100,000	150,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
Ketakupayaan Kekal	50,000	100,000	150,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
Ketakupayaan Menyeluruh Sementara (Seminggu)	60	80	120	150	200	250	375	500
Ketakupayaan Separa Sementara (Seminggu)	30	40	60	75	100	125	187.5	250
Perbelanjaan Perubatan	3,500	5,000	6,000	7,000	8,000	9,000	10,000	12,000
Surgeri Pembetulan Pergigian dan / atau Kosmetik	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	10,000	10,000	10,000
Rawatan Tradisional	50 setiap rawatan, sehingga 400							
Pembelian Peralatan Ortopedik	1,000	2,000	2,000	3,000	3,000	5,000	5,000	5,000
Fi Ambulans di Malaysia sahaja (setiap kejadian)	2,000							
Laporan Perubatan/Post Mortem	200							
Hilang Upaya Impotensi & Infertilitas (Akibat Kemalangan)	50,000							

© 2020 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb. Insured.SM adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.

Pelan	A	B	C	D	E	F	G	H
Manfaat	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Faedah Penculikan	25,000							
Elaun Kedukacitaan (Akibat Denggi, Malaria atau Japanese Encephalitis)	5,000	10,000	15,000	20,000	30,000	50,000	75,000	100,000
Elaun Pengebumian (Akibat Kemalangan)	5,000							
Pendapatan Hospital Harian (sehingga maksimum 180 hari)	30	50	50	80	100	150	185	225
Rawatan Jagaan di Rumah	250 sebulan sehingga 3,000							
Perbelanjaan Perjalanan	2,000	2,000	3,000	3,000	3,000	5,000	5,000	5,000
Transfusi Darah	5,000	10,000	15,000	20,000	30,000	50,000	75,000	100,000
Liabiliti Peribadi (Had Wilayah: Malaysia)	50,000	100,000	150,000	200,000	200,000	300,000	300,000	300,000
Pemindahan Perubatan/Repatriasi	10,000							
Pampasan Berganda (Kematian atau Kelumpuhan Menyeluruh Kekal dari Leher ke bawah atau Hilang Penggunaan Menyeluruh Kekal/Hilang Penggunaan dua anggota badan akibat kemalangan semasa mengembara sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana pengangkutan awam atau mengembara ke luar negara atau sebagai mangsa ragut	100,000	200,000	300,000	400,000	600,000	1,000,000	1,500,000	2,000,000
Bonus Pembaharuan	Ya (10% daripada jumlah diinsuranskan pertama sehingga maksimum 100%)							
Kemasukan ke Hospital Tanpa Tunai (Akibat daripada Kemalangan & Panel Hospital di Malaysia sahaja)	Ya (sehingga maksimum RM2,500 setiap kemasukan hospital dan tertakluk kepada had Perbelanjaan Perubatan)							
Ragut	300							

Nota: *Sila merujuk kepada ejen insurans anda untuk kelulusan

Nota: Sila rujuk carta manfaat untuk kematian dan ketakupayaan kekal di dalam contoh polisi.

Jangkamasa perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun.

3. Apakah jumlah premium yang perlu Saya bayar?

Pelan	A	B	C	D	E	F	G	H
Premium Dengan Manfaat Mingguan (tertakluk kepada Cukai yang Berkenaan)								
Bukan-Manual	147.34	222.60	312.70	403.86	550.14	1,096.04	1,538.06	2,016.12
Manual	204.58	312.70	452.62	624.34	925.38	NA	NA	NA
Pelan	A	B	C	D	E	F	G	H
Premium Tanpa Manfaat Mingguan (tertakluk kepada Cukai yang Berkenaan)								
Bukan-Manual	103.88	179.14	243.80	324.36	456.86	889.34	1,313.34	1,724.62
Manual	171.72	279.84	417.64	567.10	867.08	NA	NA	NA

Nota: *Sila merujuk kepada ejen insurans anda untuk kelulusan

Jumlah premium yang Anda perlu bayar adalah berbeza mengikut pilihan pelan yang dikehendaki dan keperluan pengunderaitan.

Premium yang dibayar bagi Polisi Anda tidak dijamin dan Kami berhak meminda premium dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari kepada Anda mengenai apa-apa perubahan pada alamat Anda yang terdapat dalam fail Kami.

4. Apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

Jenis	Amaun
Duti Setem	RM10.00
Cukai (jika berkenaan)	6% dari premium (termasuk di dalam premium)
Komisen yang dibayar, jika berkenaan, kepada Pengantara Insurans (termasuk di dalam premium)	Maksimum 25% dari premium

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu Saya tahu?

- Pentingnya pendedahan maklumat
 - i. Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil penjagaan munasabah:
 - a) tidak membuat salah nyataan kepada Kami apabila menjawab apa-apa soalan yang Kami tanya di dalam borang cadangan;
 - b) semasa memperbaharui Polisi ini, tidak membuat salah nyataan kepada Kami ketika menjawab apa-apa soalan, atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah didedahkan sebelum itu kepada Kami berhubung dengan Polisi ini; dan
 - c) untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara, selain daripada apa yang Kami kehendaki dalam (a) dan (b) di atas, yang Anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
 - ii. Akibat daripada Pelanggaran Kewajipan

Pelanggaran kewajipan Anda sebagai yang dinyatakan di atas boleh mengakibatkan Kami mengelakkan Polisi ini dan menolak semua tuntutan, atau syarat-syarat Polisi ini diubah, dan/atau amaun yang kena dibayar atas suatu tuntutan dikurangkan secara berkadar, bergantung kepada jenis salah nyataan atau ketakdedahan dan kesan salah nyataan atau ketakdedahan tersebut.
- Pekerjaan - Terdapat pekerjaan yang mana tidak akan dilindungi oleh polisi Kemalangan Peribadi ini. Sila rujuk senarai pekerjaan dikecualikan di dalam risalah.
- Warranti Tunai sebelum perlindungan - Ia adalah istilah yang asas dan mutlak kontrak insurans ini bahawa premium penuh mestilah dibayar dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan Polisi insurans, Pengendorsan Polisi, atau Pembaharuan sebagai kes yang mungkin, boleh bermula.
- Kelayakan - Orang yang diinsuranskan dan/or pasangan diinsuranskan mestilah berumur di antara lapan belas (18) tahun dan enam puluh lima (65) tahun pada tarikh permulaan Polisi ini dengan opsyen pembaharuan sehingga lapan puluh (80)

tahun. Kanak-kanak yang akan diinsuranskan adalah tanggungan sah di sesi undang-undang, anak-anak Pemegang Polisi yang belum berkahwin (termasuk anak tiri dan anak angkat yang sah) yang bergantung sepenuhnya kepada Orang yang Diinsuranskan untuk sokongan kewangan dan a) lebih daripada dua puluh sembilan (29) hari, tetapi di bawah sembilan belas (19) tahun, dan tinggal di rumah Orang Yang Diinsuranskan, atau (b) di bawah dua puluh tiga (23) tahun dan seorang pelajar sepenuh masa di sekolah yang diiktiraf, kolej atau universiti

- Tuntutan - Hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari kejadian.

6. Apakah pengecualian penting di bawah Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Kecederaan diri yang disengajakan dan bunuh diri
- Apa-apa bentuk penyakit, AIDS
- Perang
- Pembunuhan provokasi atau serangan provokasi
- Melakukan atau cuba melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang
- Keadaan sedia ada
- Kecacatan mental atau keuzuran

Nota : Senarai ini bukan menyeluruh. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap di bawah Polisi ini.

7. Bolehkah Saya membatalkan Polisi Saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Apabila Polisi dibatalkan, Anda boleh menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada skala kadar tempoh jangka pendek. Skala kadar tempoh jangka pendek disediakan di dalam Polisi.

8. Apakah yang perlu Saya buat jika terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi Saya?

Adalah penting bagi Anda untuk memberitahu Kami jika terdapat apa-apa perubahan dalam profil riwayat Anda termasuk pekerjaan Anda dan aktiviti peribadi Anda yang akan mempengaruhi risiko profil.

9. Di manakah boleh Saya dapat maklumat lanjut?

Jika Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan peribadi, sila rujuk kepada buku kecil insuranceinfo di 'Insurans Kemalangan Peribadi', atau Anda boleh lawati www.insuranceinfo.com.my.

Jika Anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad
Nombor Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)
Wisma Chubb
38 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
O +6 03 2058 3000
F +6 03 2058 3333
E Inquiries.MY@chubb.com
W www.chubb.com/my

10. Jenis Insurans Kemalangan Peribadi yang lain yang sedia ada :

Sila rujuk kepada laman web Kami : www.chubb.com/my

NOTA PENTING :

ANDA DINASIHATI MENGAMBIL PERHATIAN SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KETIDAKUPAYAAN DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MEMPUNYAI PILIHAN UNTUK MENCALONKAN SEORANG PENCALON DAN IA HENDAKLAH MEMPUNYAI SAKSI DAN MEMASTIKAN YANG PENCALON TAHU MENGENAI POLISI KEMALANGAN PERIBADI YANG ANDA TELAH BELI. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS TERSEBUT DAN MEMBINCANG ATAU TERUS HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Bagi setiap tujuan dan maksud sekiranya terdapat konik atau kekaburuan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia, adalah dipersetujui bahawa versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Harap diingatkan yang :

- Anda mempunyai tanggungjawab yang sewajarnya untuk memberi kepada kami atau pengantara kami semua maklumat yang berkaitan agar membolehkan kami memberi produk kewangan yang paling sesuai untuk anda dan dengan menahan apa-apa maklumat yang kami atau pengantara kami minta, atau memberi maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai yang boleh memenuhi keperluan anda;
- Anda harus membaca dan memahami terma-terma kontrak dan membincang dengan lebih lanjut dengan kami atau pengantara kami sekiranya terdapat apa-apa terma yang anda tidak faham, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda mengakui yang pengantara kami atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan polisi kontrak dan terma-terma utama kontrak, dan kontrak polisi yang diberi adalah sesuai dengan keperluan insurans anda.

Segala maklumat yang dinyatakan di dalam helaian penerangan adalah berkuatkuasa pada tarikh 27/04/2020.

Keterangan yang terdapat di dalam helaian penerangan ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat yang tepat yang diperlukan terkandung di dalam kontrak polisi.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan telah dikawal oleh Bank Negara Malaysia.